

**TEKS UCAPAN  
YBHG. PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**PEMBUKAAN LATIHAN, PEMAKAIAN PANGKAT DAN HACKLE  
PEGAWAI KADET  
PASUKAN LATIHAN PEGAWAI SIMPANAN  
23 November 2019, 4.00 petang  
Dataran Canselori UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar Hijau Bersih.

**1. Yang Berbahagia Profesor Datuk Teknologis Dr. Mohd.  
Razali Bin Muhamad,**

Timbalan Naib Canselor Akademik Dan Antarabangsa  
Merangkap Timbalan Komandan PALAPES UTeM,

**2. Yang Berusaha Mejar Hadey Madera Bin A. Khamid,**  
Ketua Jurulatih PALAPES UTeM

3. Pegawai-Pegawai Sukarela Staf Palapes UTeM, Kompeni Sarjan Mejar Jurulatih Palapes UTeM Dan Semua Pegawai Kadet Yang Saya Dihormati Sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah perkenanNya, dapat kita bersama-sama berhimpun di Dataran Canselori pada petang ini, bagi Majlis Pembukaan Latihan, Pemakaian Pangkat dan Hackle Pegawai Kadet PALAPES UTeM.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua siswa UTeM yang berada di dalam perbarisan hari ini, kerana menyahut cabaran menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan atau PALAPES Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
3. PALAPES merupakan badan uniform terbaru yang ditubuhkan di UTeM, bagi merencanakan lagi aktiviti kokurikulum di universiti ini.

4. Justeru itu, saya mengambil kesempatan ini, mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penubuhan badan uniform ini khususnya kepada pihak MARKAS PALAPES. Tanpa sokongan dan bantuan semua, semestinya matlamat penubuhan PALAPES UTeM ini amat sukar untuk direalisasikan.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan dan Askar Wataniah, ditubuhkan di bawah peruntukan perundangan persekutuan. Badan beruniform ini merupakan sebuah pasukan sukarela tentera darat yang berperanan membantu pihak angkatan tetap khususnya pihak tentera darat.

6. Sejarah membuktikan bahawa sumbangan angkatan tentera amat besar kepada negara, terutamanya dalam menjaga pertahanan dan keselamatan negara ketika zaman peperangan dunia kedua, era darurat dan konfrontasi. Kemerdekaan dan keamanan negara ini hendaklah sentiasa dipelihara bagi memastikan negara kita ini kekal aman dan sejahtera.



7. Sebagai barisan lapisan kedua dalam pertahanan negara, kewujudan PALAPES UTeM diharapkan dapat menyuntik dan menyuburkan lagi semangat jati diri yang lebih jitu demi menjaga pertahanan dan meneruskan kemakmuran negara yang tercinta ini.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

8. Penubuhan PALAPES UTeM, telah melalui beberapa siri perbincangan yang begitu rapi. Ini merangkumi perbincangan bersama semua pihak berkepentingan, dalam menentukan pengisian program yang terbaik, penempatan markas, lokasi latihan, dan lain-lain lagi. Justeru itu, dengan tertubuhnya pasukan ini, diharapkan ianya dapat memberikan pendedahan yang bermanfaat menerusi

kepelbagaian aktiviti, latihan dan tugas-tugas sebagai seorang anggota tentera.

9. Saya juga berharap, saudara saudari anggota PALAPES yang berada di hadapan saya ini, teruskan bangkit dengan semangat waja dan timbalah sebanyak mungkin ilmu ketenteraan dari badan PALAPES UTeM ini tanpa sebarang kompromi.

10. Namun, ingin saya pesan, jangan sesekali saudara saudari alpa dengan tujuan utama anda semua di sini, iaitu untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik terlebih dahulu, seterusnya barulah disokong dengan keseimbangan kecemerlangan bidang lain, seperti kesukanan dan berpersatuan.

11. Nilai tambah yang diperolehi sepanjang penglibatan sebagai Pegawai Kadet PALAPES seperti disiplin, kesetiaan, keberanian, integriti dan pelbagai lagi hendaklah diasimilasikan dalam kehidupan sebagai pelajar dan dijadikan sebagai asas keunggulan peribadi diri apabila berada di sektor pekerjaan kelak.

12. Inilah ciri TUAH yang ingin kita sematkan dalam diri setiap pelajar dan graduan UTeM, yang bukan sahaja tangkas, unggul, adaptif dan holistik dari segi pencapaian akademik yang cemerlang, malah turut seimbang dan mantap dalam bidang kesukanan, persatuan, kepimpinan dan keberanian yang jitu.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

13. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin ucapkan selamat menjalani latihan dan teruskan keazaman dan kecekalan dalam mengharungi apa jua rintangan yang bakal anda lalui sepanjang tempoh latihan - tiga tahun ini. Saya percaya, dengan ketekunan dan kesabaran yang tidak pernah mengenal erti putus asa, usaha ini mampu membuahkan kejayaan dan kecemerlangan kepada anda semua.

14. Diingatkan juga bahawa, “Hackle Tiger Oren” yang dibekalkan kepada setiap anggota merupakan satu kehormatan dan kebanggaan. Oleh itu, jagalah ia dengan sebaik-baiknya seperti mana anda menjaga nama baik UTeM dan PALAPES ini.
15. Akhir kata, saya ucapkan tahniah kepada para pegawai kadet yang terpilih sebagai pemegang pangkat.



16. Amanah yang diberikan ini hendaklah dipikul dan dilaksanakan dengan ikhlas, jujur, berdedikasi, berintegriti dan penuh toleransi. Kepada para jurulatih dan staf-staf universiti yang terlibat, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas penat lelah dan dedikasi yang dicurahkan sehingga penubuhan PALAPES UTeM menjadi satu kenyataan.

17. Serangkap pantun bagi melengkapkan keberadaan kita di UTeM Melaka ini:

Sepoinya angin nyaman terasa,  
Meredah hutan mencari cemara,  
PALAPES UTeM semangat perkasa;  
Mempertahan bangsa negara sejahtera.

18. Dengan lafaz bismillaihi rahmanirahim, saya dengan ini merasmikan pembukaan Latihan Pasukan Latihan Pegawai

Simpanan Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi sesi 2019/2020. Terima kasih.